

# Kafeteria UMS jadi pilihan

► **Setiap tempat penginapan mahasiswa juga turut mempunyai kafe**

Oleh **NOORHAZHARITA GANGGAM AZLAN**  
utusanborneokk@gmail.com

**S**UDAH menjadi rutin harian, selesai sahaja dari kelas kelihatan ramai mahasiswa berjalan kaki ke kafeteria yang berdekatan untuk memulihkan semula tenaga yang hilang.

Hampir setiap sekolah yang ada di Universiti Malaysia Sabah (UMS) ini mempunyai kafe tersendiri. Bagi sekolah yang tidak ada, pasti akan mengunjungi kafe-kafe yang berdekatan seperti Café D'Bayu, Pustaka Kafe, dan lain-lain lagi.

Bukan sahaja di sekolah, di setiap tempat penginapan mahasiswa juga turut mempunyai kafe.

Menariknya, kafe atau tempat makan sinonimnya adalah tempat untuk menjamu selera. Ia juga dijadikan tempat perjumpaan bagi mahasiswa dan mahasiswi serta ibu bapa yang ingin melawat



**KEADAAN** Pustaka Kafe yang sesak dengan mahasiswa yang ingin mengisi perut selepas seharian berada di kelas. (gambar kanan bawah) Salah satu jenis hidangan yang ditawarkan di kafeteria.

anaknyanya. Setiap kafe yang ada mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Kepelbagaian juadah yang disediakan antara faktor yang menarik perhatian mahasiswa untuk membelinya.

Café D'Bayu adalah salah satu tempat pilihan makan mahasiswa di UMS untuk mengisi perut yang mula berkeroncong. Menurut Nurhasyimah

Abdul Lahmin, 23, dahulu di Café D'Bayu mempunyai pilihan makanan yang banyak tetapi kini tidak lagi. "Yang membuat kafe ini menarik adalah dari pemandangan yang indah. Dari sini, kita boleh lihat laut dan seolah-olah memandangnya sahaja memberikan ketenangan jiwa.

"Tempat ini juga sesuai untuk sesiapa yang ingin bersantai serta melepaskan

tekanan selepas seharian belajar," katanya yang berasal dari Kudat ini.


Fardiana Abdul Malek, 22, berkata dia jarang makan di sana disebabkan harganya yang mahal. Selain itu, pilihan aneka makanan tidak banyak, mungkin



**HIZAMI ATIEM**




**FARDIANA**



**TEMPAT** duduk yang menghadap Laut Cina Selatan juga disediakan oleh Cafe D'Bayu untuk sesiapa yang datang berkunjung.



**NUR ATIKA**



**MULLIS**



**NURHASYIMAH**



**MOHD EDI**



**CAFE D'Bayu** yang sering mendapat kunjungan terutamanya pada waktu senja.

disebabkan kos hidup semakin meningkat.

"Akan tetapi, pemandangan di Café D'Bayu ini sememangnya indah lebih-lebih lagi waktu petang. Kehadiran bayu yang nyaman mampu membuai jiwa yang kacau," katanya.

Pelajar jurusan Hubungan Industri, Hizami Atiem Magisa Juara berkata lokasinya yang menghadap Laut Cina Selatan turut menjadi faktor mahasiswa sanggup menjamu selera di sana semata-mata untuk melihat pemandangan laut di kala senja.

Katanya, makanan yang digoreng menjadi kegemaran mahasiswa yang inginkan makanan panas dan menyelerakan.

"Antaranya, Nasi Goreng Pattaya, Nasi Goreng Lalap, Mee

Hun Goreng Ayam dan sebagainya. Lagi satu, kalau ada makanan harus ada minuman. Di sini juga ada menyediakan pilihan minuman panas dan sejuk," katanya.

Rakannya Mullis Mursalam, 23, berkata walaupun pilihan makanan yang ada kurang tetapi pemandangan di Café D'Bayu mampu memukau setiap mata yang memandangi.

"Setiap petang, kafe ini pasti akan dikunjungi oleh pelajar yang mempunyai kelas malam di Dewan Kuliah Pusat lama.

"Terdapat juga pengunjung luar yang datang semata-mata untuk melihat ufuk senja di sini," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Edi Irawan, 23, pula mengatakan Pustaka Kafe adalah tempat makan yang baik kerana

banyak pilihan serta harganya yang murah. "Ia berbaloi dengan kuantiti makanan yang diambil berserta harganya," katanya.

Menurutnya, bukan hanya satu jenis makanan yang ada tetapi pelbagai seperti nasi kerabu yang jarang ditemui di Bandaraya Kota Kinabalu.

"Nasi Kerabu adalah antara pilihan makanan yang paling digemari bagi mahasiswa yang berasal dari Semenanjung.

"Kaedah penyediaan yang berlainan menjadi keunikan di kafe ini bagi yang berasal dari Semenanjung. Sebagai contoh, nasi goreng ayam di Sabah digoreng dan dicampur sekali dalam satu pinggan.

"Manakala nasi goreng ayam di Semenanjung pula tidak begitu sebaliknya ayam dan nasi diasingkan

dalam pinggan berlainan," katanya.

Ironinya kata Edi, dari segi persekitarannya kurang memuaskan disebabkan jarak dan meja tidak dapat menampung di waktu puncak seperti waktu tengahari.

"Di situlah tempat yang paling bagus bagi pelajar yang kurang bajet. Lagipun, pelajar seperti saya manalah sesuai makan di tempat yang mahal-mahal," katanya.

Nur Atika Alia M Anuar berkata kafe di perpustakaan mempunyai banyak pilihan makanan yang lazat.

"Bagi yang merindui makanan kampung halaman, di Pustaka Kafe juga ada menyediakannya. Dengan ini, sedikit sebanyak terubat rasa rindu akan kampung halaman," katanya.



**BARISAN** gerai yang ada di Pustaka Cafe menghadirkan juadah makanan yang sihat serta lazat.